

Rumusan Hasil Dapatan Kajian

## **Nama Kajian**

Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia Dan Keterlibatan Pegawai Perkhidmatan Awam 2020

## **Objektif Kajian**

Kajian IKPM Peringkat Perkhidmatan Awam 2020 dilaksanakan bagi mengukur tahap kesejahteraan psikologi penjawat awam berdasarkan lima (5) domain iaitu emosi positif, emosi negatif, kepuasan hidup, kefungisian psikologi, dan kesejahteraan sosial.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan rekabentuk tinjauan deskriptif, yang dijalankan bagi mendapatkan nilai indeks tahap kesejahteraan psikologi dalam kalangan penjawat awam.

Jumlah penjawat awam yang terlibat dengan kajian ini seramai 218,397 orang. Sampel kajian melibatkan semua penjawat awam di pelbagai kementerian, jabatan dan agensi kerajaan.

## **Dapatan IKPM 2020**

Dapatan IKPM Peringkat Perkhidmatan Awam 2020 adalah 7.43 (sederhana)

Jumlah responden yang terlibat dengan kajian ini seramai 218,397 orang.

Dapatan ini menunjukkan kesejahteraan psikologi penjawat awam berada di tahap sederhana iaitu dengan skor komposit 7.43. Domain skor yang paling tinggi adalah kefungisian psikologi iaitu 8.11 Diikuti skor 7.72 bagi domain emosi positif, domain kesejahteraan sosial dengan skor 7.26 dan domain kepuasan hidup pada skor 7.22. Manakala, skor domain emosi negatif pula adalah yang paling rendah berbanding dengan domain-domain lain iaitu 3.15 (6.51).